



LAPORAN TAHUNAN 2021



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
Tingkat 16, Kompleks Teruntum,
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur

Isi kandungan

01	Perutusan Pengerusi PKNP	02 - 08
02	Ahli-Ahli Perbadanan PKNP	09
03	Carta Organisasi PKNP	10
04	Pengurusan PKNP	11
05	Laporan Pengurusan	12 - 40
06	Kalendar Tahun 2021	41 - 48
07	Laporan Dan Penyata Kewangan	

Perutusan Pengerusi

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada 31 Disember 2021.

Bagi tahun 2022, PKNP memfokuskan penstrukturan semula hutang, peningkatan pendapatan melalui bisnes-bisnes baharu dan menjana pendapatan melalui sumber sedia ada. Malah, PKNP turut mensasarkan peningkatan kerjasama dengan pihak swasta dan pengukuhan operasi kumpulan PKNP yang mencakupi 6 anak syarikat. Langkah-langkah proaktif ini merupakan intipati kepada Pelan Transformasi PKNP yang dirangka bagi mendepani cabaran-cabaran bagi tahun 2022.

Pencapaian terbesar PKNP bagi tahun 2021 adalah penjualan tanah seluas 100 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng 3 kepada Smart Glove Healthcare Sdn Bhd yang keseluruhannya berjumlah RM 75 juta. Penjualan ini bukan sahaja memberi pendapatan kepada PKNP malah akan membuka peluang pekerjaan kepada 2,000 orang apabila kilang tersebut beroperasi.

Selain itu, PKNP telah memberi sumbangan sejumlah RM 1.5 juta kepada kerajaan Negeri Pahang. Sumbangan RM 1 juta telah diberikan kepada Tabung Amanah Dana Khas Negeri Pahang pada 1 Oktober 2021 dan RM 500,000 kepada Tabung Perbendaharaan Negeri Pahang pada 7 Disember 2021.

PKNP sebagai salah satu agensi yang menyumbang kepada ekonomi Negeri Pahang akan terus beroperasi dengan mengamalkan penjimatan dalam perbelanjaan dan menyokong program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Sektor Perindustrian

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat sebanyak 3.0% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2021 berbanding penguncupan 6.4% dalam tempoh yang sama tahun lalu. Prestasi KDNK ini mengambil kira penguncupan sebanyak 4.5% tahun ke tahun pada suku ketiga 2021 (S3 2021) yang menggambarkan cabaran yang dihadapi berikutan langkah pembendungan yang ketat untuk mengekang lonjakan kes baharu disebabkan oleh kemunculan varian COVID-19 yang membimbangkan (VOC) dan lebih berbahaya.

Kelembapan pertumbuhan ekonomi adalah disebabkan beberapa faktor global dan domestik yang mana penularan wabak pandemik COVID-19 peringkat global yang berterusan sejak akhir tahun 2019 sehingga kini telah memberikan tekanan baharu kepada ekonomi Malaysia dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya mencatatkan pertumbuhan amat sederhana pada 2021.

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021 berbanding -0.5% pada suku pertama, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik dan prestasi eksport yang terus mantap.

Malaysia juga kekal sebagai salah satu destinasi utama pelaburan di rantau ini. Dari Januari hingga 23 April 2021, negara telah memperoleh pelaburan asing langsung (FDI) sebanyak RM81.9 bilion, di mana pada S1 2021, sejumlah RM9.1 billion merupakan aliran masuk bersih (S4 2020: RM6.8 bilion). Semua pelaburan ini adalah berkualiti tinggi, termasuk dalam sektor teknologi, inovasi, teknologi hijau, kenderaan elektrik dan teknologi kewangan.

Sektor Pembangunan Hartanah

Pada tahun 2021, PKNP menumpukan kepada pembangunan satu (1) projek komersial iaitu Projek Perumahan Chempereh Fasa 1 di Janda Baik, Bentong yang melibatkan 71 unit rumah dan 4 projek berusahasama di Bandar Baru Chendor, Lipis, Jerantut dan Muadzam Shah.

Malah, PKNP turut terlibat dalam pelaksanaan pembangunan tiga (3) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di bawah projek sosio-ekonomi Rancangan Malaysia ke-11 iaitu Pembangunan Gerai di Batu 4 1/2 Pekan, Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching dan Menaiktaraf Fasilitas Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota.

Sektor Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (BPKK) terus memberi fokus untuk menambah nilai kepada para usahawan bumiputera dengan memberikan latihan dan kursus yang terkini bagi membudayakan generasi baru bumiputera selari dengan Pelan Strategik PKNP.

Antara program yang dijalankan melibatkan program berikut :-

-  1 Program Transformasi Keusahawanan PKNP
-  2 Latihan Keusahawanan
-  3 Program Pembangunan Komuniti

Sektor Korporat (Komersial)

Sektor korporat juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada sumber pendapatan PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak-anak syarikat PKNP pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. :-

Anak Syarikat	Keuntungan / Kerugian		Prestasi
	2020	2021	
PKNP Mineral Ind.Sdn Bhd	27,772	543,021	▲
PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	1,972,099	4,521,499	▲
RT Dev. & Eng. Sdn Bhd	(1,577,789)	3,749,500	▲
Rumpun Timur Sdn Bhd	(718,348)	413,532	▲
BCIC Holdings Sdn Bhd	(6,832)	(139,300)	▼
Realistic Attraction Sdn Bhd	24,519	40,774	▲
Pascorp Paper Industries	23,757,754	29,791,824	▲
JUMLAH	23,479,175	38,920,850	



Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alalaih Sultan Iskandar Al-Haj ke Pusat Pengembangan Terun Pahang Diraja Sg. Soi Kuantan

Prospek & Perancangan Masa Depan

Bagi tempoh 2019 - 2026, PKNP juga telah menetapkan Perancangan Strategik jangka panjang untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

-  Memantapkan penerokaan bisnes baru secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
-  Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan aset organisasi;
-  Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
-  Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
-  Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
-  Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
-  Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
-  Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan;
-  Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
-  Memperkasa jenama dan imej organisasi;
-  Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
-  Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
-  Memperkasa kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 124.5 juta berbanding dengan pencapaian sebanyak RM 33.6 juta bagi tahun sebelumnya.

Manakala di peringkat kumpulan PKNP mencatatkan keuntungan RM 130 juta berbanding pada tahun 2020, keuntungan sebanyak RM 55 juta. Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti di bawah :-

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2021

	Kumpulan		Perbadanan	
	2021	2020	2021	2020
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Perolehan	234,287,971	147,125,275	205,638,031	127,519,827
Keuntungan / kerugian (sebelum cukai)	149,178,231	72,924,350	142,459,230	51,701,765
Cukai	(19,582,538)	(18,039,837)	(17,927,658)	(18,094,665)
Zakat	-	-	-	-
Keuntungan / kerugian Bersih tahun semasa	129,595,693	54,884,513	124,531,572	33,607,100

Penghargaan

Tahun 2021 merupakan satu tahun yang mencabar bagi PKNP sebagai sebuah organisasi. Namun, PKNP telah mengharungi tahun ini dengan jayanya dan mencapai kejayaan yang tersendiri.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Perbadanan, Pihak Pengurusan PKNP dan warga kerja Kumpulan PKNP yang telah melunaskan tanggungjawab dengan baik, melaksanakan amanah dengan tekun dan tetap berpegang teguh dengan integriti sebagai penjawat awam.

Bagi tahun 2022, saya berharap semua pihak terus mendokong misi dan visi PKNP, terus mengekalkan pencapaian bagi tahun 2021 dan melipatgandakan usaha demi kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Y.A.B. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY WAN ISMAIL
SSAP,,SUMW,,DSAP,,DIMP,,SMP,,AMP.

Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.



Ahli-Ahli Perbadanan



YAB. MENTERI BESAR PAHANG
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
SSAP, SUMW, DSAP, DIMP, SMP, AMP



Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak
SSAP, SIMP, DIMP, JSM, PJK



Tuan Saiful Edris bin Zainuddin



Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar
SIMP, DSAP, DIMP, SMP



YH. Dato' Haji Fadzila bin Salleh
DSAP, DIMP, SMP, AAP



YH. Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP, DSAP, DIMP



Encik Ahmad Suhaimi bin Endut



YH. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad
DIMP



Y.Bhg. Dato' Herman bin Abdul Hamid
ADK, JMW, DIMP




YH. Dato' Mohd A Aruwan bin Ab Aziz
DIMP




YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
DIMP, SMP, AAP

Carta Organisasi



PKNP



Laporan Pengurusan

Laporan Pengurusan bagi tahun 2021 mengikut sektor :-

1.0 SEKTOR PERINDUSTRIAN

1.1 DATA-DATA PELABURAN 2021

1.1.1 Data-data statistik kelulusan lesen pengilang yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) bagi tempoh 1987 – 2021 (September) adalah seperti berikut :

a) Kelulusan Projek perkilangan = **670 projek**

b) Nilai Pelaburan Keseluruhan = **RM72.85 billion**

(Pelaburan Tempatan : RM12.57 billion)

(Pelaburan Asing : RM60.28 billion)

c) Peluang pekerjaan diwujudkan = **96,434 orang**

* Rujuk perincian di **Lampiran I**

1.1.2 Sepanjang tempoh **Januari – September 2021**, bilangan projek yang telah mendapat kelulusan lesen pengilang oleh MITI di Negeri Pahang adalah sebanyak **13 projek** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM10.12 billion**. Jumlah anggaran tenaga kerja yang akan diwujudkan adalah seramai 1,930 orang.

1.1.3 Dari jumlah tersebut, nilai Pelaburan Langsung Domestik (DDI) adalah sebanyak **RM0.24 billion** manakala nilai Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah bernilai **RM9.88 billion**.

1.2 NILAI PELABURAN ASING DI NEGERI PAHANG

1.2.1 Sehingga September 2021 (bermula dari tahun 1987), jumlah pelaburan asing dalam aktiviti perkilangan di Pahang adalah bernilai RM60.28 billion. Angka ini adalah berdasarkan kepada projek-projek yang beroperasi dan yang diluluskan tapak di negeri Pahang mengikut rekod dan data yang dikumpul oleh MIDA.

1.2.2 Bagi tahun 2021 (September), terdapat sembilan (9) pelaburan dari negara asing di Negeri Pahang sepertimana berikut :-

Negara Asing	Bil Projek	Nilai (RM' bill)
Jepun	1	0.0016
Belanda	1	0.1230
Taiwan	2	0.1899
China	4	9.5183
United Kingdom	1	0.0562
JUMLAH	9	9.8889

Sumber : MIDA sehingga September 2021

1.2.3 Senarai terkini pelabur bagi **Negara-Negara Asing** di Negeri Pahang boleh dirujuk sepertimana di **Lampiran II**.

1.3 PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN DAN PENGELUARAN INDUSTRI 2021

Tidak dinafikan, Malaysia masih mendepani tempoh pasca pandemik yang agak sukar yang mana ekonomi Malaysia sedang dalam proses pemulihan.

Namun demikian, unjuran pertumbuhan semula ekonomi telah mula berkembang bermula suku ke - 2 yang mana telah didorong oleh peningkatan permintaan global bagi produk-produk yang akan memberi impak positif kepada industri berasaskan eksport di Malaysia seperti industri elektrik & elektronik.

Situasi ini telah menggalakkan lebih banyak aktiviti pelaburan dan seterusnya mewujudkan pendapatan yang lebih tinggi. Projek pelaburan baharu, permintaan bagi teknologi dan produk-produk penjagaan kesihatan serta peningkatan kapasiti bagi keluaran berkaitan komoditi juga akan turut menyokong pertumbuhan negara pada tahun 2021.

Pada ketika ini, tumpuan kerajaan lebih kepada sektor yang berteknologi tinggi seperti bidang automasi dan digitalisasi seiring dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi global yang mana Malaysia tidak mahu dilihat ketinggalan dalam kemajuan ini.

Pembukaan lebih banyak sektor ekonomi seiring dengan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) memberi impak positif kepada Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) yang meningkat 3.2% bulan ke bulan pada Ogos 2021.

Lonjakan itu didorong oleh sektor pembuatan dan elektrik yang mana IPP bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 juga turut merekodkan peningkatan 8.2% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.

Peningkatan itu dipacu oleh kenaikan dalam kesemua komponen iaitu indeks pembuatan (10.4%), indeks perlombongan (3.0%) dan indeks elektrik (1.7%).

1.4 PROGRAM PROMOSI PELABURAN DI NEGERI PAHANG 2021

Usaha-usaha mempromosi tanah industri terus dipertingkatkan melalui kerjasama semua agen promosi Kerajaan Negeri yang berkaitan termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Unit Antarabangsa, Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSUK), Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dan lain-lain yang terlibat.

1.4.1 Memperkukuh hubungan korporat dengan agen promosi pelaburan di Negeri Pahang serta agensi swasta

PKNP sedar bahawa Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif tersendiri dalam mewujudkan beberapa agen promosi kerajaan ke arah menarik lebih banyak peluang-peluang pelaburan ke negeri ini.

Antaranya adalah termasuk Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK), Unit Antarabangsa (UA), PSUK, ECERDC, Pahang Corp. dan lain-lain.

Mengambil kira peranan setiap agensi adalah penting bagi memastikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat, PKNP telah mengambil langkah proaktif dalam menjalin kerjasama dengan pihak PSK untuk tanah-tanah industri terutamanya di Kawasan Perindustrian Gebeng yang masih belum mempunyai hakmilik.



Ketua Pegawai Eksekutif mempengerusikan mesyuarat bersama wakil-wakil Industri di Kompleks Teruntum

Senarai terkini pelabur bagi Negara-Negara Asing di Negeri Pahang boleh dirujuk sepertimana di Lampiran II.

1.4.2 Usahasama Projek Tenaga Boleh Diperbaharui (Ladang Solar Photovoltaic)

PKNP dan syarikat KPower Berhad telahpun berjaya dalam bidaan bersama Projek Large Scale Solar Photovoltaic (LSSPV) berkapasiti 50MW yang mana keputusan telah diumumkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada 12 Mac 2021 yang lalu.

Susulan itu, Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil. 1/ 2021 pada 16 April 2021 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Menteri Besar Pahang telah bersetuju satu Special Purpose Vehicle (SPV) ditubuhkan di antara anak syarikat (PKNP) dengan KPower Berhad bagi Projek Large Scale Solar Photovoltaic (LSSPV) yang mana telah dinamakan dengan PKNP KPower Suria Sdn. Bhd.

Pada ketika ini, syarikat PKNP KPower Suria Sdn. Bhd. sedang dalam proses untuk memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membolehkan pembangunan projek ini dapat berjalan sepertimana yang dirancang.



Lawatan Datuk Mohd Faizal bin Jaafar ke Majlis Bandaraya Kuantan
pada 15 Oktober 2021

1.4.3 Projek Laluan Keretapi Pantai Timur - East Coast Railway Link (ECRL)

Projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) adalah projek infrastruktur landasan keretapi yang menghubungkan pantai barat Semenanjung Malaysia dengan sebelah pantai timur.

Dengan melibatkan jajaran sepanjang 665 km daripada Kelantan ke Pelabuhan Klang, kemajuan pembinaan projek ini adalah pada kadar 25.09% setakat hingga November 2021.

Dengan jumlah kos RM50.27 bilion, projek mega ini disasarkan siap sepenuhnya pada Disember 2027.

Bagi perkembangan pembinaan jajaran di Kuantan, Pahang, sebanyak tiga (3) daripada enam (6) terowong ECRL sedang dibina di beberapa kawasan. Bagi Terowong 1 yang terletak di Gambang, terowong sepanjang 608 meter tersebut hampir siap dibina yang mana kemajuan kerja sehingga Disember 2021 adalah sepanjang 452 meter. Terowong 2 dan 5 juga sedang dalam pembinaan manakala Terowong 3, 4 dan 6 masih menunggu kelulusan pelan bangunan.

1.4.4 Pengwujudan Program 'Safe Travel Malaysia' di bawah One Stop Centre (OSC) yang dikendalikan oleh MIDA untuk pelabur/pelawat perniagaan

Dalam memastikan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara, kepentingan kesihatan awam, kelangsungan hidup dan kelestarian ekonomi harus diseimbangkan. Pada awal Mei 2020, Kerajaan Malaysia telah membuka semula sektor-sektor ekonomi secara berperingkat dan ini disokong oleh pematuhan SOP yang ketat.

Antara langkah pemulihan yang utama adalah dengan mewujudkan Program Safe Travel Malaysia melalui One Stop Centre (OSC) yang mana memberi kebenaran kepada eksekutif dan individu berjawatan penting untuk memasuki negara agar dapat meneruskan tugas mereka, di samping memastikan langkah-langkah penjagaan kesihatan diambil kira.

OSC ini dikendalikan oleh MIDA dan diwakili oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan Jabatan Imigresen Malaysia (IMI).

1.4.5 Kawasan Perindustrian Tg. Agas (KPTA), Pekan, Pahang Darul Makmur - Komponen-komponen pembangunan yang lebih realistik

Pada ketika ini, PKNP dan TGA Solutions Sdn. Bhd. sedang mengambil langkah progresif dan proaktif ke arah giat mendapatkan potensi- potensi pelaburan bagi Kawasan Perindustrian Tg. Agas, Pekan, Pahang Darul Makmur. Ini adalah susulan mendapat perkenan daripada KDYMM Yang Dipertuan Agong terhadap komponen pembangunan projek di kawasan Perindustrian Tg Agas, Pekan yang telah dipersembahkan di Istana Negara pada 4 Februari 2021 yang lalu.

Berdasarkan kepada pelan pembangunan terkini KPTA, pembangunan akan dibangunkan melalui tiga (3) fasa sepertimana berikut :

Fasa 1 : 'Private Marine Terminal (PMT)'

Komponen Pembangunan yang terdapat di dalam Private Marine Terminal (PMT) adalah terdiri daripada pembangunan badan air (water basin area) seluas ±1,600 ekar dengan kedalaman 15 meter, pembinaan pemecah ombak (cabang utara (2 meter) dan selatan (3.5 meter) serta pembinaan laluan navigasi sepanjang ±7.5 km dengan kedalaman 15 meter.

Kajian-kajian teknikal yang berkaitan sedang dilengkapkan dan beberapa rundungan dengan syarikat pelaburan asing telah diadakan dalam usaha untuk merealisasikan Fasa 1 ini.

Fasa 2 : 'Private Marine Infrastructure (PMI)'

Pembangunan PMI akan melibatkan pembinaan terminal seluas 150 ekar, dermaga sepanjang 470 meter serta jeti sepanjang 300 meter. Selain itu juga, Fasa 2 ini dirancang turut melibatkan pembangunan gudang - gudang pengendalian serta penyimpanan.

Ini adalah selaras dengan keperluan majoriti pelabur yang berhasrat untuk melabur di KPTA ini yang mana memerlukan terminal dan jeti sebagai sistem pengangkutan utama untuk bahan-bahan mentah syarikat serta bagi memudahkan urusan import dan eksport,

Fasa 3 : 'Free Industrial Zone (FIZ)'

Pembangunan FIZ akan melibatkan kawasan seluas ±183 ekar di KPTA. FIZ ini kelak akan dilengkapi dengan Pejabat Jabatan Kastam dan Imigresen, gudang-gudang penyimpanan serta infrastruktur-infrastruktur lain yang berkaitan.

1.4.6 Projek Pasca Pandemik Covid 19, "Smart Glove City" : Ke arah menampung keperluan sektor perubatan dan kesihatan

Situasi Pasca Pandemik Covid 19 tidak menghalang Negeri Pahang untuk menerima projek pelaburan mega dari syarikat tempatan iaitu Smart Glove Healthcare Sdn. Bhd. dengan cadangan pembangunan kilang pembuatan sarung tangan di Kawasan Perindustrian Gebeng, Mukim Sungai Karang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Projek dengan nilai pelaburan komited sebanyak RM2 billion ini akan dibangunkan di atas tanah seluas 99.22 ekar dan akan menawarkan peluang pekerjaan kepada sehingga 4,000 peluang yang memfokuskan kepada anak-anak tempatan.

Melalui pelaburan ini, PKNP telah menerima hasil jualan sebanyak lebih kurang RM74 juta melalui penjualan tanah industri.

Pada ketika ini, pihak syarikat sedang dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membolehkan projek ini dapat dibangunkan mengikut jadual yang dirancang.

1.4.7 Memantapkan Peranan PKNP selaku One Stop Agency (OSA) bagi Sektor Perkilangan di Negeri Pahang

PKNP yakin peranan sebagai One Stop Agency (OSA) bagi Sektor Perkilangan di Negeri Pahang adalah masih relevan walaupun dengan kemunculan beberapa agen promosi kerajaan negeri yang lain pada ketika ini.

PKNP dari semasa ke semasa sentiasa memudahcara urusan pelabur bagi membantu mempercepatkan proses-proses kelulusan yang berkaitan serta berusaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bagi meningkatkan imej PKNP di kalangan para pelabur.

Peranan laman web Invest in Pahang sangat penting dikala musim ini yang mana tanpa perjumpaan secara fizikal, bakal-bakal pelabur boleh mengetahui maklumat-maklumat mengenai kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Pahang serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan sektor perkilangan di negeri ini.

Ini terbukti yang mana sehingga 31 Disember 2021, portal ini telah berjaya mencatatkan pelawat seramai 335,882 orang pelawat daripada 90 buah negara. Ia telah mencatatkan peningkatan pelawat sebanyak 22.30% dalam tempoh setahun.

Selain itu juga, PKNP turut merancang program-program bagi meningkatkan jalinan korporat di antara PKNP, pelabur/ bakal pelabur serta jabatan/ agensi kerajaan yang berkaitan. Selain turut serta dalam misi-misi perdagangan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan urusan pelaburan, PKNP juga telah mengadakan lawatan fasilitasi ke kilang-kilang pelaburan di seluruh Negeri Pahang.

Satu sesi 'engagement' seperti majlis makan malam serta aktiviti berbentuk kesukanan juga dirancang untuk diadakan termasuk Kejohanan Golf Mesra Pelabur serta acara sukan lain termasuk bola sepak dan boling tertakluk kepada SOP yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

1.5 PENUTUP

Secara keseluruhannya, meskipun berdepan dengan keadaan ekonomi yang sukar pada ketika ini, usaha-usaha berasaskan strategi industrialisasi yang 'outward-looking' dan produktif akan terus dipergiatkan bagi memastikan Negeri Pahang terus menjadi destinasi pelaburan ideal bagi menjalankan aktiviti perkilangan masing-masing.

Strategi pemasaran telah diperkemaskan dan lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang berteknologi tinggi serta tenaga boleh diperbaharui bagi memastikan ianya sentiasa memberi manfaat dan nilai tambah kepada kerajaan negeri.

Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan mengatur program-program promosi pelaburan secara berkala bagi memperkenalkan Negeri Pahang dan menyuaipadankan pelaburan-pelaburan syarikat asing untuk ditempatkan di Negeri Pahang sesuai dengan strategi mesra pelabur yang sentiasa dijamin oleh agen-agen promosi pelaburan di negeri ini.

Lampiran I

BILANGAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN OLEH MITI DI NEGERI PAHANG DARI 1987- 2019			
Tahun	Bil Projek	Peluang Pekerjaan	Nilai Pelaburan (RM Juta)
1987	7	3,540	177.1
1988	21	9,501	672.3
1989	14	2,828	848.6
1990	18	3,616	517.0
1991	11	3,748	130.4
1992	12	1,807	811.9
1993	14	2,029	1,541.3
1994	18	7,275	561.4
1995	19	2,420	423.7
1996	26	3,374	1,718.5
1997	21	2,562	3,066.2
1998	30	2,331	2,462.5
1999	14	2,599	328.2
2000	25	2,362	2,830.4
2001	22	2,645	347.2
2002	13	701	271.3
2003	17	2,476	925.4
2004	18	1,571	994.7
2005	18	1,870	2,203.17
2006	33	1,680	1,792.56
2007	28	1,467	1,563.76
2008	23	2,441	1,080.80
2009	17	943	604.8
2010	13	745	1,038.7
2011	25	1,392	3,037.9
2012	16	1,850	2,091.1
2013	17	1,378	2,818.8
2014	18	4,295	5,200.4
2015	12	477	1,073.0
2016	19	1,328	883.1
2017	19	5,041	2,962.0
2018	15	4,630	8,028.4
2019	34	3,319	4,943.0
2020	30	1,930	4,784.5
2021 (September)	13	4,263	10,118.59
JUMLAH	670	96,434	72,848.00

Sumber: MIDA sehingga September 2021

Lampiran II

NILAI PELABURAN ASING YANG DILULUSKAN SEHINGGA 1987 – 2021 (September)			
NEGARA ASING	BIL PROJEK	NILAI PROJEK (RM' JUTA)	JUMLAH PEKERJAAN
GERMANY	36	5,388.79	4,110
UNITED KINGDOM	27	742.55	2,358
USA	32	3,829.60	3,416
JAPAN	68	5,442.12	8,571
NORWAY	3	234.2	322
SINGAPORE	55	738.66	8,834
BELGIUM	1	8.8	90
TAIWAN	38	608.3	10,880
CHINA	34	24,631.82	15,160
SWITZERLAND	3	125.8	290
FRANCE	5	16.8	408
SWEDEN	3	5.01	218
RUSSIA	1	12	81
LIECHTENSTEIN	3	107.5	373
NETHERLANDS	15	590.8	722
THAILAND	5	32.1	264
KOREA	17	345.18	1,546
AUSTRALIA	17	700.9	1,348
INDIA	12	356.3	1,342
EGYPT	1	14.2	150
ITALY	15	184.9	1,282
CAYMEN ISLAND	1	7.6	192
PAKISTAN	1	0.98	24
BRITISH VIRGIN ISLAND	2	872.5	404
NEW ZEALAND	1	1.6	20
SRI LANKA	2	20.3	897
INDONESIA	6	439.7	1,214
CANADA	6	89.3	474
DENMARK	2	15.1	160
HONG KONG	20	1,672.08	10,599
FINLAND	2	195.2	238
IRAN	1	7.3	22
LUXEMBOURG	1	14.5	33
TURKEY	1	17.14	218
UNITED ARAB EMIRATES	2	44.2	132
REPUBLIK KESATUAN SLOVAK	1	8.4	95
LAIN-LAIN NEGARA	66	11,305.12	9,742
JUMLAH	506	60,280.35	86,302

Sumber: MIDA sehingga September 2021

2.0 SEKTOR HARTANAH

2.1 PROJEK KOMERSIAL

Dalam tahun 2021, terdapat satu (1) Projek Komersil sahaja masih dalam pembinaan iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Daerah Bentong yang merangkumi 71 unit rumah sepertimana komponen berikut:

Cadangan Projek	Komponen/Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2021
Perumahan Chemperoh Fasa I	Rumah Teres Berkembar	6	Projek masih dalam pembinaan.
	Rumah Teres A	39	Kemajuan kerja sehingga Disember 2021 telah mencapai 96%.
	Rumah Teres B	26	
JUMLAH		71	



Pemandangan dari atas Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Pahang Darul Makmur

2.2 PROJEK USAHASAMA

Pada 26 November 2020, PKNP telah membuka tawaran sebut harga Cadangan Projek Usahasama bagi Cadangan Pembangunan 300 unit rumah di Taman Saujana Utama, Jerantut dan 93 unit rumah di Berchang, Lipis.

Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil 1/2021 bersetuju memilih syarikat KT Management (M) Sdn Bhd (KTMSB) sebagai rakan syarikat usahasama untuk membangunkan projek di atas.

Syarikat KTMSB juga telah menjelaskan bayaran "Earnest Money" pada 18 Mei 2021 berjumlah RM50,000.00 yang juga diambil kira sebagai sebahagian bayaran pulangan kepada PKNP.

Pada masa kini, PKNP dalam proses memuktamadkan Perjanjian Usahasama bersama Syarikat KTMSB bagi 2 projek di atas.

Selain itu, status bagi projek-projek untuk cadangan usahasama yang lain adalah sepertimana jadual di bawah :-

Cadangan Projek	Komponen/Jenis Pembangunan	Unit	Status 2021
Perumahan Bandar Baru Chendor	Rumah Berkembar Rumah Teres	82	Dalam proses memuktamadkan perjanjian usahasama dengan RTDE.

2.3 PROJEK SOSIO-EKONOMI / RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK)

Bagi meneruskan agenda pembangunan negara bagi tahun 2021, PKNP telah meneruskan pelaksanaan pembangunan tiga (3) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perdana Menteri yang mana telah diluluskan pada tahun 2021 dan kini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Status projek-projek tersebut sehingga Disember 2021 adalah sepertimana berikut :-

Bil	Nama Projek	Komponen/Jenis Pembangunan	Bil Unit	Status 2021
1.	Pembangunan Gerai di Batu 4 1/2 Pekan	Gerei Setingkat	12	Projek bermula pada Oktober 2021. Di peringkat awal pembinaan dan kemajuan fizikal projek sehingga Disember 2021 telah mencapai 6%.
2.	Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching	Kedai 1 1/2 Tingkat	4	Projek di peringkat akhir pelantikan kontraktor utama.
3.	Menaiktaraf Fasiliti Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota	Naiktaraf Fasiliti	11	Projek di peringkat akhir pelantikan kontraktor utama.

2.4 PROJEK SOSIO-EKONOMI /PROJEK KHAS BAWAH UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

Projek-projek yang sebelum ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2019 kini juga dipantau oleh EPU iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut :-

Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri)	77 Projek -61 Projek Sebutharga (59 Projek Telah Siap) -16 Projek Tender (8 projek di dalam proses perlaksanaan kerja di tapak, manakala 8 projek dalam proses penyediaan dokumen tender)	513 juta

3.0 SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN (PKK)

3.1 PRESTASI 2021

Bahagian PKK lebih memfokus kepada golongan sasaran iaitu usahawan-usahawan yang mempunyai hubungan dengan PKNP seperti penyewa premis perniagaan, IKS dan usahawan bimbingan PKNP. Tambahan lain yang telah dilakukan adalah bagi meluaskan lagi penyebaran maklumat Bahagian PKK melalui penggunaan sosial media seperti Facebook yang terbuka kepada umum untuk mengikuti program secara langsung. Berikut adalah prestasi pelaksanaan projek bagi tahun 2021.

a. Program Transformasi Keusahawanan PKNP

Bagi setiap cabaran yang dihadapi, akan berbangkitnya peluang. Dalam konteks COVID-19, walaupun perniagaan terkesan, namun ada sektor industri yang masih tumbuh pesat dan mempunyai ruang dan peluang untuk diceburi. PKNP melalui Program Transformasi Keusahawanan telah mengatur sesi khidmat nasihat dan 'coaching' secara individu atau kumpulan kecil usahawan bagi meningkatkan semangat dan mencari solusi dalam kesediaan usahawan menghadapi pandemik COVID-19. Peserta ini kemudiannya akan disaran menyertai program-program latihan berkaitan yang dianjurkan oleh agensi terlibat.



Program Sumbangan Pasca-Covid kepada Usahawan-Usahawan PKNP oleh Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

b. Latihan Keusahawanan

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan telah mempergiatkan aktiviti pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan melalui kerjasama pihak luar ataupun anjuran PKNP sendiri. Oleh kerana pandemik COVID-19, hanya 2 Program anjuran PKNP dan 17 Program dengan anjuran kerjasama pihak luar telah dilaksanakan. Program-program ini adalah berbentuk kursus, bengkel keusahawanan, 'Pocket Talk', sesi diskusi peluang niaga secara dalam talian dan bersemuka(fizikal).

c. Program Pembangunan Komuniti

Beberapa program secara kolaborasi telah dilaksanakan secara bersama dengan agensi dan NGO yang terlibat dalam melatih komuniti menjalani kemahiran khususnya bidang keusahawanan antaranya seperti PNS, INSKEN, Seni Jahitan Kreatif, Persatuan Belia Pahang, SME Corp, AKPK, Perkeso, Pernas, MEDAC dan Yayasan Jcorp.



Antara program usahawan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan

3.2 RUMUSAN

Sebanyak 19 program yang dapat dilaksanakan yang melibatkan lebih 2,500 penyertaan melalui penganjuran PKNP dan juga penganjuran bersama Rakan Strategik, NGO dan Kerajaan Negeri Pahang yang hanya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM900.00 sahaja. Memandangkan kita kini hidup dalam norma yang baharu, penggunaan ruang digital perlu dimaksimumkan dalam menjalani sebarang urusan seharian dan Program Keusahawanan lebih tertumpu secara dalam talian.

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Program MYOB Bersama Peniaga- Peniaga Kompleks Teruntum	30 Mac 2021	30
2.	Sembang Santai Niaga - Pengurusan Akaun	9 Disember 2021	168

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Seminar Sempena Pembukaan 100 Kedai Jahitan "The Tunku Azizah Handmada Market Online"	03 Mac 2021	100
2.	Webinar Francais - Konsep Perniagaan Francais vs Perlesenan : Menjawab Kekeliruan Industri	09 Mac 2021	150
3.	Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	09 April 2021	200
4.	Asas Pemasaran Online INSKEN	10 April 2021	200
5.	Webinar 'Peningkatan Produktiviti Melalui Digitalisasi & Virtual Digital Clinic'	23 Jun 2021	150
6.	Webinar 'Business Masa Covid -Transformasi Perniagaan Baru'	28 Jun 2021	200
7.	Webinar Pocket Talk 'Usahawan Sihat Pendapatan Meningkatkan'	30 Jun 2021	100
8.	Webinar Seminar Zakat Perniagaan Rahsia Perniagaan Berkat dan Berkembang'	07 Julai 2021	150
9.	Webinar Program MeDAC2U - Match Me	09 Julai 2021	250
10.	Webinar Pocket Talk 'Usahawan Sihat Pendapatan Meningkatkan'	15 Julai 2021	200
11.	Webinar Seminar My Reskill lot Virtual Programme	23 Julai 2021	150
12.	Webinar Khas : Kenali Peranan AKPK dan Perkeso kepada Usahawan	03 Ogos 2021	100
13.	Webinar 'Memperkasakan Perniagaan Mikro PKS	12-13 Ogos 2021	100
14.	Webinar Program Sembang Business 2021 : Dari Kedai ke Online	14 September 2021	150
15.	Webinar Francais - Dinamik Perniagaan Pasca Pandemik	09 November 2021	100
16.	Webinar Program Transformasi Perniagaan Anda	25 November 2021	150
17.	Webinar Program Pengurusan Kewangan Semasa & Selepas Pandemik	27 November 2021	150

4.0 SEKTOR PELABURAN

Projek-projek yang dilaksanakan dalam tahun 2021 di bawah Unit Pemantauan Perniagaan adalah Projek-projek Penswastaan, Perlombongan, Perladangan dan Pelaburan melalui anak-anak syarikat. Projek pelaburan ini memberi sumber pendapatan kepada PKNP sepertimana berikut:

4.1 PENSWASTAAN

Antara projek-projek penswastaan yang menyumbang adalah Perlombongan, Perniagaan & Penginapan Bajet, Penanaman Kelapa Sawit, Kilang Pemprosesan Serbuk Ikan, dan Ternakan Akuakultur. Projek-projek ini telah menyumbang sebanyak RM0.88 juta kepada PKNP dalam tahun 2021.

4.2 PERLOMBONGAN PKNP

Pada tahun 2021, kutipan bagi projek perlombongan adalah sebanyak RM4.2 juta dimana ianya adalah sebanyak 90% daripada bajet kutipan yang disasarkan. Sebanyak tujuh (7) lombong yang sedang aktif beroperasi iaitu (1) satu di Chini, Pekan, (2) dua di Sungai Lembing, Kuantan, (1) satu di Bukit Ibam, Rompin, (1) satu di Sungai Koyan, Lipis, (1) satu di Sungai Temau, Lipis dan (1) di Ulu Lepar.

4.3 PERLADANGAN

Sejajar dengan hasrat PKNP untuk mempelbagaikan aktiviti pelaburannya, bidang pertanian/perladangan kelapa sawit dilihat sebagai salah satu cadangan yang baik berdasarkan keadaan pasaran dan potensi yang ada. PKNP melalui anak syarikatnya PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd. telah diberi tanggungjawab oleh PKNP untuk menguruskan ladang-ladang berikut:

Projek	Lokasi	Keluasan (ek)	Status
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770	Tuaian & penyelenggaraan
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Rembir, Jerantut	20,000	Pembersihan & Penanaman
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000	Penyelenggaraan

4.4 PRESTASI ANAK-ANAK SYARIKAT

Secara keseluruhan, prestasi kumpulan PKNP pada tahun 2021 amat memuaskan walaupun ekonomi Malaysia masih lagi kurang stabil susulan daripada pandemik covid-19. Lima (5) daripada enam (6) anak syarikat milik penuh PKNP mencatatkan keuntungan. Tahun 2021 adalah tahun dimana cadangan pemberian dividen kepada PKNP disambut baik oleh anak-anak syarikat dan akan dilaksanakan mengikut kemampuan serta kadar yang bersesuaian mengikut sektor perniagaan masing-masing.

4.4.1 Realistic Attraction Sdn. Bhd.

Syarikat berjaya mengekalkan prestasi menguntungkan sama seperti tahun sebelumnya. Pencapaian ini adalah susulan daripada peningkatan jualan baju korporat kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri. Pada tahun 2021 juga syarikat berjaya meningkatkan peratus penjimatan perbelanjaan berbanding bajet yang disasarkan. Prestasi keseluruhan syarikat adalah memuaskan.

4.4.2 BCIC Holdings Sdn. Bhd.

Syarikat merupakan perniagaan yang menawarkan penyewaan fasiliti seperti dewan seminar, bilik mesyuarat, ruang niaga, pejabat, dan juga penginapan bajet. Tahun 2021 merupakan tahun pemulihan dimana adanya penyewaan bagi dewan-dewan bagi penginapan sementara mangsa banjir dan juga Pusat Penilaian Covid-19. Pada tahun 2021 juga syarikat terlibat bagi menaiktaraf rumah-rumah Rehat Kerajaan Negeri Pahang. Di penghujung 2021 syarikat telah mula giat dalam pengendalian kafe. 2022 dilihat tahun yang dapat syarikat gunakan bagi penggunaan fasiliti secara 100%.

4.4.3 PKNP Mineral Sdn. Bhd.

Syarikat menunjukkan prestasi yang amat baik bagi tahun 2021. Dari perspektif kewangan, pencapaian syarikat melebihi sasaran bajet tahunan mereka. Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM567 ribu lebih tinggi dari tahaun sebelumnya. Syarikat juga berjaya menerima kutipan lombong sebanyak RM893 ribu pada tahun 2021.

4.4.4 PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.

Pada tahun 2021, industri perladangan amat menguntungkan dimana harga sawit yang meningkat. Syarikat berjaya mencapai keuntungan iaitu sebanyak RM5.4 juta berbeza dengan bajet yang mencatatkan kerugian. Hal ini juga susulan daripada bantuan kerajaan bagi moratorium bayaran balik pinjaman bank. Kadar perahan minyak yang dicatatkan dari ladang-ladang yang diusahakan juga melebihi daripada indikator yang dikeluarkan oleh MPOB.

4.4.5 RT Development & Engineering Sdn. Bhd.

Keuntungan bersih Syarikat pada tahun 2021 adalah RM3.3 juta melebihi daripada sasaran bajet syarikat. Walaupun tahun 2021 adalah tahun pemulihan bagi sektor hartanah, syarikat mampu menampung perbelanjaan sediaada serta meneruskan dengan projek-projek pembangunan sediaada iaitu projek di Permatang Badak serta Chendor Perdana.

4.4.6 Rumpun Timur Sdn. Bhd.

Pendapatan Syarikat pada tahun 2021 adalah sebanyak RM254 ribu. Pada tahun 2021 ini syarikat lebih memfokuskan kepada penjualan ayam proses serta penyewaan reban serta penyewaan tapak bagi projek tenaga solar. Syarikat juga mengambil inisiatif mengurangkan kos pentadbiran dalam menyusun semula strategi pemasaran serta pembahagian tugas bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Disamping itu syarikat juga berjaya menyelesaikan beberapa hutang. Secara keseluruhan pencapaian syarikat adalah baik.

5.0 SEKTOR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) Setiausaha Perbadanan dan tiga belas (13) orang Pengurus Bahagian /Unit seperti berikut :

Sehingga Disember 2021 bilangan anggota pekerja PKNP adalah berjumlah 144 orang dengan pecahan kumpulan perkhidmatan seperti di bawah :

- Pengurusan Atasan - 1 orang
- Kumpulan Pengurusan & Profesional - 40 orang
- Kumpulan Pelaksana - 103 orang

Sepanjang tahun 2021, PKNP telah melantik seramai enam (6) orang anggota pekerja baru dan seramai lima (5) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan. PKNP juga telah melantik 5 orang Eksekutif Pelatih bagi menjalani Program Eksekutif Pelatih Siri 5 Tahun 2021/2022 untuk melatih para graduan dalam bidang pekerjaan.

Bagi memantapkan pengurusan PKNP serta peluang kerjaya kepada anggota pekerja, 1 orang anggota pekerja telah menerima kenaikan pangkat secara Timed-Based berasaskan kecemerlangan (TBK1).

Berdasarkan laporan nilai prestasi tahunan 2020, seramai 10 orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 10 orang anggota pekerja menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun pada Majlis Persaraan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP Tahun 2021.

5.1 PELAKSANAAN KURSUS & LATIHAN

Dalam Tahun 2021, sebanyak RM43,186.00 telah dibelanjakan bagi penganjuran kursus dalaman dan luaran untuk anggota pekerja PKNP. Sebanyak 4 Kursus dalaman telah diadakan bagi meningkatkan serta memperkasa pengetahuan tenaga kerja kumpulan professional dan kumpulan pelaksana. Fokus diberikan melalui pelaksanaan Kursus Kesedaran dan Interpretasi ISO 37100:2016 dan Bengkel Pemurnian Maklumat Didokumentasikan Dalam Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 37100:2016 bagi mempertingkatkan kefahaman pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional berkaitan sistem tersebut serta pelaksanaan Kursus Microsoft Excel untuk mempertingkatkan kemahiran kumpulan pelaksana dalam mengendalikan perisian tersebut. Kursus Pra Persaraan juga dilaksanakan khas untuk para pesara tahun 2022 dan 2023 sebagai persediaan dalam menjalani kehidupan selepas bersara.

Selain itu, bagi memantapkan budaya dan penerapan nilai-nilai murni, Program Tazkirah Ramadan dan Kuliah Tafsir Al-Quran juga diadakan sepanjang tahun di samping sesi Ceramah Pengukuhan Integriti & Pencegahan Rasuah oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sebagai salah satu program pembudayaan dan kesedaran kepada semua anggota pekerja PKNP.

11 orang Anggota Pekerja Telah Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 10 orang Anggota Pekerja Menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun Pada Majlis Persaraan Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP Tahun 2021.

5.2 KOS RAWATAN ANGGOTA PEKERJA TAHUN 2021

Bagi tahun 2021, PKNP telah membelanjakan sebanyak RM100,378.92 bagi rawatan Klinik Panel, bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC, perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital dan tambahan perlindungan insurans serta lain-lain rawatan. Anggota pekerja juga diberi Insentif Insuran dibawah Syarikat Great Eastern Takaful Berhad dengan jumlah premium sebanyak RM425,686.92 setahun.

Mengambil kira situasi dunia yang mendepani wabak pandemik Covid-19, PKNP juga telah membelanjakan sebanyak RM34,765.00 bagi penangguhan kos menjalani ujian pengesanan Covid-19 dan Program Vaksinasi anggota pekerja PKNP.

5.3 MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN

Pelaksanaan Mesyuarat MBJ PKNP semenjak tahun 2009 hingga tahun 2020 ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sebanyak empat (4) kali setahun. Pada tahun 2021, berikutan pandemik wabak Covid-19, pelaksanaan Mesyuarat MBJ telah ditetapkan sebanyak tiga (3) kali setahun dan PKNP telah berjaya melaksanakannya dengan jayanya.

6.0 SEKTOR PENGURUSAN ICT

Pengurusan ICT terbahagi kepada dua (2) aktiviti utama :

6.1 PEROLEHAN ALAT SISTEM KOMPUTER

Perolehan peralatan yang telah dilaksanakan bagi komputer desktop, notebook dan pencetak serta alat sistem jaringan PKNP adalah mengikut perancangan yang dirangka pada tahun 2021 dengan penyelarasan garis masa disebabkan kekangan bekalan dan proses perolehan dalam tempoh PKP dan PKPD yang dikenakan di Kuantan kesan kepada penularan COVID-19 yang berpanjangan.

Aktiviti automasi proses kerja juga lebih tertumpu kepada pendigitalan borang manual yang sedia ada seperti soal selidik, kehadiran kursus dan majlis secara dalam talian serta pemantauan pelaksanaan Sistem Sewaan Tanah Perindustrian yang telah dibangunkan secara in-house.

Perolehan perisian windows dan solid state disk (SSD) bagi projek naiktaraf komputer/komputer riba (penjimatan kos pembelian baru melalui pemanjangan tempoh hayat penggunaan), dan perisian khusus untuk kegunaan pejabat serta alat sistem CCTV dan webcam juga telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan semasa di PKNP.

6.2 PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN ALAT SISTEM KOMPUTER

Tumpuan yang lebih telah diberikan kepada perkhidmatan dan aktiviti penyelenggaraan ICT bagi menampung keperluan anggota pekerja dalam tempoh Bekerja Dari Rumah (BDR) kesan daripada penularan wabak COVID-19 yang berlarutan lebih lama dari jangkaan. Hasil semakan semula perancangan, komputer dan komputer riba telah dinaiktaraf keupayaannya serta capaian sekuriti ke sistem komputer juga telah diperketatkan. Sistem Pengurusan Kewangan PKNP juga dipantau pelaksanaan terutama dalam penjaan laporan menggunakan BI360. Cadangan pembaharuan kontrak telah diluluskan selama 2 tahun lagi dan akan diintegrasikan dengan aplikasi mobile Pahang GO pada tahun 2022 bagi meneruskan peluasan perkhidmatan e-Payment PKNP kepada pelanggan.

Lain-lain aktiviti melibatkan senggaraan Portal PKNP, Portal OSA, simulasi Disaster Recovery Centre PKNP, pembaharuan domain dan perkhidmatan hosting serta langganan perisian bagi memenuhi keperluan PKNP. Senggaraan perkakasan dan sistem telah dilakukan seperti yang dirancang termasuk penyelenggaraan dan/atau penggantian alat sistem komputer secara kontrak atau mengikut keperluan, khidmat sokongan/khidmat nasihat kepada Bahagian/Unit di PKNP dan anak syarikat milik penuh PKNP, keperluan stok ink dan toner, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat teknikal ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis / mesyuarat PKNP secara dalam talian.

KALENDAR TAHUN 2021

01 JANUARI

- Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2021 dan Persaraan Anggota Pekerja PKNP di Dewan Utama PKNP, Kompleks Teruntum pada 4 Januari 2021



- Misi Bantuan Kemanusiaan PKNP 2021 pada 18 Januari hingga 19 Januari 2021 di Kuantan, Pekan dan Maran, Pahang Darul Makmur
- Kunjungan Hormat Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Encik Mohd Azwan bin Mohd Salleh ke PKNP pada 22 Januari 2021
- Penyampaian Hadiah Pembaca Berita Ujibakat Pertandingan Suara Emas PKNP 2021 pada 22 Januari 2022 di Kompleks Teruntum, Kuantan
- Kunjungan Hormat oleh Ketua Pegawai Eksekutif MARII, Dato' Madani bin Sahari ke PKNP pada 25 Januari 2021

02 FEBRUARI



- PKNP sumbang RM200,000 kepada Tabung Bencana Negeri Pahang di pejabat Menteri Besar Pahang pada 8 Februari 2021

KALENDAR TAHUN 2021

03 MAC

- ▶ Perjumpaan bersama Timbalan Menteri Kewangan II, YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah di Putrajaya pada 4 Mac 2021
- ▶ Lawatan kerja Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman ke Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Pekan, Pahang DarulMakmur pada 4 Mac 2021
- ▶ PKNP temuduga 12 bakal penyewa Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau pada 5 Mac 2021.
- ▶ Pertemuan dua hala antara PKNP dan TPM Technopark Sdn Bhd, anak syarikat milikan penuh Johor Corporation (JCorp) pada 8 Mac 2021
- ▶ Lawatan YB, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato'Abd Rahim bin Muda Ke Kompleks Teruntum pada 15 Mac 2021



- ▶ PKNP landatangan MOA bersama TGA Solutions Sdn Bhd di Awana Hotel dan Resort, Genting Highlands pada 18 Mac 2021
- ▶ Jamuan Makan Malam meraikan perwakilan Head Of Mission & Spouses Orientation Courses 2021 di AC Hotel by Marriot, Kuantan pada 19 Mac 2021
- ▶ Kunjungan Isteri - Isteri Perwakilan / Head of Mission ke Natural Batik Villages, Chengal Lemping, Kuantan pada 21 Mac 2022
- ▶ Lawatan Tapak ke Projek Pembangunan di Maran diketuai oleh YB, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abd Rahim bin Muda ke Taman Jaya Diri, Chenor, Maran telah diadakan pada 23 Mac 2021

KALENDAR TAHUN 2021

03
MAC



➤ Majlis Menandatangani kontrak PKNP bersama World Glove International Group City & Hub Development Sdn Bhd (WGC) di AC Hotel by Marriott, Kuantan pada 26 Mac 2021.

➤ Program Siri Bimbingan Master Your Own Business (MYOB) bersama Peniaga-Peniaga Bumiputera Kompleks Teruntum pada 30 Mac 2021.

➤ Jamuan Makan Malam meraikan perwakilan Head Of Mission & Spouses Orientation Courses 2021 di AC Hotel by Marriott, Kuantan pada 19 Mac 2021.

04
APRIL

➤ Biro Kebajikan dan Pendidikan PUSPANITA PKNP dan Biro Seranta & Ekonomi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP menganjurkan program SMART BELANJA di Kompleks Teruntum pada 2 April 2021.

➤ PKNP tandatangan Perjanjian Pajak Tanah bersama World Gloves International Group City & Hub Development Sdn Bhd (WGC) pada 5 April 2021.



➤ YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar melakukan lawatan kerja ke Bentong pada 6 April 2021 bagi meninjau perkembangan terbaharu dan mendapatkan status terkini projek-projek PKNP di kawasan Bentong.

➤ Kunjungan Hormat oleh Ketua Pegawai Operasi Kuantan Port Consortium (KPC) ke PKNP pada 8 April 2021.

KALENDAR TAHUN 2021

04
APRIL

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan bangunan BCIC Lodge milik PKNP di Bandar Indera Mahkota, Kuantan pada 17 April 2021



05
MEI

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam yang menyambut hari lebaran ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan dan Pengurusan PKNP

06
JUN

Merafak Sembah dan Setinggi-Tinggi Tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di – Pertuan Agong, Al – Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al – Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Mustafa'in Billah sempena ulang tahun Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 7 Jun 2021 bersamaan 26 Syawal 1442



KALENDAR TAHUN 2021

07
JULAI



Program Bacaan Yasin Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar bersama Warga Kerja PKNP secara dalam talian pada 9 Julai 2022

08
OGOS

Sesi Menandatangani Perjanjian Pajakan di antara PKNP dan KPower Suria Sdn Bhd serta Menandatangani Perjanjian Pemegang Saham di antara RT Development & Engineering Sdn Bhd dan KPower Berhad di Kompleks Teruntum pada 18 Ogos 2021



09
SEPTEMBER



Merafak Sembah Dan Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniat Sempena Memulakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 30 Julai 2021 bersamaan 20 Zulhijjah 1442 Hijrah

KALENDAR TAHUN 2021

10
OKTOBER



PKNP sumbang RM 1 juta ke Tabung Amanah Dana Khas Negeri Pahang. Sumbangan ini disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 1 Oktober 2021.

TGA Solutions Sdn Bhd tandatangani perjanjian persefahaman bersama Abu Dhabi Ports Group untuk bangunkan Kawasan Perindustrian Tanjung Agas Pekan pada 1 Oktober 2021.

Mesyuarat penyelarasan cadangan Pembangunan Projek Digital Free Trade Zone (DFTZ) Oleh Syarikat Digital East Coast Sdn Bhd pada 6 Oktober 2021.

Majlis Persaraan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP di Tingkat 3 Kompleks Teruntum pada 8 Oktober 2021.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menghadiri lawatan tapak ke Projek Ternakan Kelulut Moden UTM di Simpang Renggam, Johor pada 11 Oktober 2021.

Kursus Kesedaran dan Interpretasi ISO 37001 : 2016 secara dalam talian pada 14 Oktober 2021.

Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar ke atas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan pada 15 Oktober 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar hadir ke sesi jelajah Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe - 12) pada 25 Oktober 2021.

KALENDAR TAHUN 2021

11
NOVEMBER

➤ Majlis Penyerahan Kunci Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau, Temerloh dan dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 2 November 2021



➤ Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar merasmikan MPIA Roadshow 2020-2021 di AC Hotel by Marriot Kuantan pada 16 November 2021

➤ Program Derma Darah & Pemeriksaan Kesihatan bertempat di Tingkat 1 Berjaya Megamall, Kuantan yang dianjurkan oleh Kelab Keluarga Kumpulan PKNP & Puspanita PKNP pada 25 November 2021



➤ Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar terima kunjungan hormat dari delegasi Malaysia Investment Development Authority (MIDA)

KALENDAR TAHUN 2021

12
DISEMBER



- PKNP sumbang RM 500,000 kepada Kerajaan Negeri Pahang melalui Tabung Perbendaraan Negeri Pahang pada 8 Disember 2021.

- Lawatan tapak ke Pusat Kecemerlangan Dron Paya Bungor diketuai oleh YB. Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah pada 15 Disember 2021.

- Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad kali ke - 27 di Tingkat 3, Kompleks Teruntum pada 20 Disember 2021.

- 40 ahli Skuad Bencana dan Sukarelawan PKNP turun padang ke beberapa tempat di sekitar daerah Kuantan bagi membantu pasca banjir pada 22 Disember 2022.



- PKNP melalui Skuad Bencana menyumbang barangan harian pada 27 Disember 2021 kepada 40 anggota pekerja PKNP dan pesara PKNP yang terlibat banjir.

- Program Jalinan Kasih Bersama Usahawan PKNP yang dianjurkan oleh Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dengan Kerjasama Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan serta Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP pada 29 Disember 2021.

- Sukarelawan PKNP bantu mangsa banjir di Taman Melati, Bentong, Pahang pada 30 Disember 2021.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 58.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Merujuk kepada Nota 9 kepada penyata kewangan, pelaburan saham tak tersiarharga pada tahun 2021 berjumlah RM55,795,927. Sebahagiannya merupakan kos pelaburan dalam syarikat Tioman Island Resort Berhad dengan pegangan saham berjumlah RM22,550,004 atau 13.75% dan di syarikat Lanjut Golf Resorts Sdn. Bhd. bersejumlah RM1,275,000 atau 15%.

Nilai aset ketara bersih bagi kedua-dua syarikat pada 31 Disember 2021 adalah sejumlah RM95,152,164 dan RM1,001,478. Perkara ini menjadikan nilai aset ketara bersih mengikut pegangan saham Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berjumlah RM13,083,423 dan RM150,222. Oleh itu, kos pelaburan adalah lebih tinggi berbanding nilai aset ketara bersih

mengikut pegangan saham Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Hal ini menyebabkan peruntukan rosot nilai sejumlah RM10,591,357, iaitu RM9,466,580 bagi Tioman Island Resort Berhad dan RM1,124,777 bagi Lanjut Golf Resorts Sdn. Bhd. perlu dibuat bagi pelaburan tersebut selaras dengan MPSAS 29 - Instrumen Kewangan. Bagaimanapun, tiada peruntukan rosot nilai dibuat bagi pelaburan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenaunya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenaunya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenaunya.

Perkara Utama Audit

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan di dalam sijil ini.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada, secara individu atau agregat, sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan

Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965, saya juga melaporkan:

- a. syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan; dan
- b. saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain tidak disimpan dengan sempurna seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Berdasarkan Nota 2(b) kepada penyata kewangan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

juga telah menerima pakai tempoh pelepasan peralihan tiga tahun di bawah MPSAS 33- Pemakaian Kali Pertama Asas Akruan MPSAS bagi penjejasan nilai hartanah pelaburan dan tanah untuk pembangunan dan nilai realisasi bersih inventori. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang perlu memastikan pematuhan terhadap MPSAS yang berkenaan diselesaikan sebelum tempoh pelepasan tiga tahun yang dibenarkan di bawah MPSAS 33 berakhir, iaitu pada tahun 2022.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

Nor Haiza

(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA




PUTRAJAYA
19 SEPTEMBER 2022

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Penyata Ahli Perbadanan

Kami, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, dua daripada Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 58 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan menurut resolusi Ahli Perbadanan



Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
Pengerusi



Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuantan

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Akuan Berkanun

Saya, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan sesungguhnya dan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 58, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.


Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas Mohd Faizal bin Jaafar

Di : Kuantan

Pada : 26 April 2022

Di hadapan saya :

Pesuruhjaya Sumpah



203, Tingkat 2, Blok A, Kuantan Centre Point
25000 Kuantan, Pahang

The official stamp is circular with a double border. The outer ring contains the text 'PESURUHJAYA SUMPAH' at the top and 'MALAYSIA' at the bottom, separated by two stars. The inner circle contains the following text: 'No: C062', 'MUDA BIN ISMAIL', 'PJB, PPB', and '1.1.2021 - 19.10.2022'.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Kedudukan Kewangan
pada 31 Disember 2021**

		Kumpulan		Perbadanan	
		2021	2020	2021	2020
NOTA		RM	RM	RM	RM
ASET					
Aset semasa					
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	5	59,886,619	55,769,202	42,268,992	39,053,679
Inventori	6	107,359,657	123,301,675	101,147,730	118,383,613
Urus niaga pertukaran belum terima	7	99,183,096	33,066,604	147,541,608	83,901,560
Penghutang pelbagai dan pebelanjaan terdahulu	8	9,580,903	10,700,031	15,675,271	17,061,227
Pelaburan lain	9	10	10	10	10
Kos pembangunan hartanah	10	251,249,475	252,663,399	238,009,248	238,539,726
Jumlah aset semasa		527,259,760	475,500,921	544,642,859	496,939,815
Aset bukan semasa					
Aset cukai tertunda	11	149,423	123,989	-	-
Pelaburan lain	9	57,687,292	57,418,493	57,275,927	57,075,928
Kos pembangunan hartanah	10	37,446,078	37,446,078	-	-
Tanah untuk Pembangunan	12	33,057,349	32,979,130	33,057,349	32,979,130
Subsidiari	13	-	-	18,642,966	15,653,096
Syarikat bersekutu	14	97,204,145	87,477,577	37,238,481	26,598,916
Hartanah, loji dan peralatan	15	43,263,835	45,905,814	3,994,949	4,370,695
Aset biologi	16	41,244,351	34,849,795	-	-
Hartanah pelaburan	17	103,040,047	102,214,159	100,217,927	100,928,062
Jumlah aset bukan semasa		413,092,520	398,415,035	250,427,599	237,605,827
Jumlah aset		940,352,280	873,915,956	795,070,458	734,545,642
TOLAK : LIABILITI					
Liabiliti semasa					
Liabiliti cukai semasa		6,589,407	6,382,494	6,524,795	5,893,698
Urus niaga pertukaran belum dibayar	18	7,555,887	8,104,591	2,875,774	2,776,590
Pemiutang pelbagai dan akruan	19	130,609,539	93,518,951	101,362,305	65,228,756
Pinjaman berjangka	20	35,355,840	36,233,847	30,073,085	30,147,459
Pinjaman kerajaan	21	12,722,886	7,615,823	12,722,886	7,615,823
Manfaat pekerja	22	1,055,229	976,455	1,055,229	976,455
Jumlah liabiliti semasa		193,888,788	152,832,161	154,614,074	112,638,781

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Kedudukan Kewangan
pada 31 Disember 2021 (sambungan)**

	NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman berjangka	20	41,513,082	70,584,926	-	30,000,000
Pinjaman kerajaan	21	134,876,297	145,051,928	134,876,297	145,051,928
Akaun amanah	23	4,449,000	4,449,000	4,449,000	4,449,000
Liabiliti cukai bukan semasa			-		-
Pendapatan tertunda	24	162,525,196	228,423,870	162,525,196	228,423,870
Liabiliti cukai tertunda	11	971,677	115,879	128,111	110,210
Manfaat pekerja	22	1,107,915	1,033,560	1,107,915	1,033,560
Jumlah liabiliti bukan semasa		345,443,167	449,659,163	303,086,519	409,068,568
Jumlah liabiliti		539,331,955	602,491,324	457,700,593	521,707,349
Aset bersih		401,020,325	271,424,632	337,369,865	212,838,293
EKUITI					
Modal dan rizab					
Pemberian kerajaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
Simpanan modal	25	1,969,101	1,969,101	1,969,101	1,969,101
Keuntungan terkumpul		396,551,224	266,955,531	332,900,764	208,369,192
Jumlah ekuiti		401,020,325	271,424,632	337,369,865	212,838,293

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Prestasi Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Hasil :					
Hasil daripada urus niaga pertukaran	26	148,366,940	128,724,204	116,695,000	109,118,756
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	26	85,921,031	18,401,071	88,943,031	18,401,071
Kos jualan		(45,699,938)	(35,200,863)	(28,274,239)	(19,370,210)
Keuntungan kasar		188,588,033	111,924,412	177,363,792	108,149,617
Pendapatan lain	27	2,255,145	1,513,413	-	-
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(22,340,757)	(23,004,966)	(16,309,264)	(14,919,614)
Perbelanjaan lain		(13,220,060)	(37,663,963)	(14,509,809)	(37,678,147)
Keuntungan daripada operasi	28	155,282,361	52,768,896	146,544,719	55,551,856
Kos kewangan	30	(5,191,133)	(4,546,678)	(4,085,489)	(3,850,091)
Bahagian keuntungan / (kerugian) syarikat bersekutu		(912,997)	24,702,132	-	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		149,178,231	72,924,350	142,459,230	51,701,765
Cukai	31	(19,582,538)	(18,039,837)	(17,927,658)	(18,094,665)
Zakat		-	-	-	-
Keuntungan bersih bagi tahun		129,595,693	54,884,513	124,531,572	33,607,100

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 25) RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Kumpulan				
Pada 1 Januari 2020				
- seperti dinyatakan sebelumnya	2,500,000	1,969,101	201,351,555	205,820,656
- pelarasan tahun terdahulu	-	-	10,719,463	10,719,463
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	212,071,018	216,540,119
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	54,884,513	54,884,513
Pada 31 Disember 2020	2,500,000	1,969,101	266,955,531	271,424,632
Pada 1 Januari 2021	2,500,000	1,969,101	266,955,531	271,424,632
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	129,595,693	129,595,693
Pada 31 Disember 2021	2,500,000	1,969,101	396,551,224	401,020,325
Perbadanan				
Pada 1 Januari 2020				
- seperti dinyatakan sebelumnya	2,500,000	1,969,101	164,042,628	168,511,729
- pelarasan tahun terdahulu	-	-	10,719,464	10,719,464
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	174,762,092	179,231,193
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	33,607,100	33,607,100
Pada 31 Disember 2020	2,500,000	1,969,101	208,369,192	212,838,293
Pada 1 Januari 2021	2,500,000	1,969,101	208,369,192	212,838,293
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	124,531,572	124,531,572
Pada 31 Disember 2021	2,500,000	1,969,101	332,900,764	337,369,865

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai	149,178,231	46,498,804	142,459,230	51,701,765
Pelarasan item tidak berkaitan dengan pergerakan aliran tunai :				
Hartanah, loji dan peralatan				
- susutnilai	2,794,871	1,484,140	492,309	649,894
- keuntungan atas pelupusan	(242)	-	-	(2,399)
- hapuskira	-	39	-	-
- pelarasan	-	(29,102)	-	(29,102)
Hartanah pelaburan				
- susutnilai	2,472,065	2,439,008	2,421,964	2,411,837
- pelarasan	-	908,930	-	908,930
Hutang ragu pulih semula	-	-	3,697,076	-
Manfaat pekerja	153,129	-	153,129	-
Pelarasan hartanah, loji dan peralatan	-	1,554,322	-	-
Keuntungan nilai saksama pada instrumen ekuiti	-	17,680	-	-
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(16,600)	-	-
Perbelanjaan faedah	-	3,855,269	4,085,489	3,850,091
Pendapatan dividen	-	(2,377,254)	(5,114,583)	(2,377,254)
Pendapatan faedah	-	(961,563)	(673,618)	(961,563)
Pendapatan tertunda	(65,898,674)	-	(65,898,674)	-
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan anak syarikat	-	(3,407,870)	(2,989,870)	(1,999,871)
Rosot nilai pulih semula				
- pelaburan lain	(200,011)	-	-	-
Rosot nilai pulih semula				
- syarikat bersekutu	(10,639,565)	-	-	-
<i>Baki dibawa ke hadapan</i>	<u>77,859,804</u>	<u>49,965,803</u>	<u>78,632,452</u>	<u>54,152,328</u>

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)**

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aktiviti operasi (sambungan)				
<i>Baki dihantar ke hadapan</i>	77,859,804	49,965,803	78,632,452	54,152,328
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan syarikat bersekutu	-	19,011,681	(10,639,565)	19,011,681
Peruntukan rosotnilai pelaburan lain	-	(8,829,221)	(199,999)	(8,829,221)
Bahagian kerugian dari syarikat bersekutu	912,997	-	-	-
Pelarasan	171,920	16,715,468	-	16,715,468
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	78,944,721	76,863,731	67,792,888	81,050,256
Perubahan modal kerja :				
Tanah untuk pembangunan	(78,219)	(6,136,552)	(78,219)	(6,136,552)
Kos pembangunan hartanah	1,413,924	(40,235,111)	530,478	(35,542,653)
Kurangan/ (Tambahan) dalam inventori	15,942,018	(14,732,158)	17,235,883	(17,448,940)
Tambahan dalam urusanniaga pertukaran belum diterima	(66,116,492)	(13,441,738)	(67,337,124)	(16,046,164)
Kurangan dalam jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu	-	5,131,284	-	-
Kurangan terhutang oleh perbadanan	-	(1,565,847)	-	-
Kurangan dalam penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu	1,119,128	-	1,385,956	-
(Kurangan)/ Tambahan dalam urusanniaga pertukaran belum dibayar	(548,704)	22,951,616	99,184	13,533,871
Tambahan dalam pemiutang pelbagai dan akruan	37,090,589	-	36,133,550	-
Syarikat berkaitan	-	1,056,452	-	6,459,684
Tunai daripada operasi	67,766,965	29,891,677	55,762,596	25,869,502

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)**

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aktiviti operasi (sambungan)				
Cukai dibayar	(18,545,262)	(19,513,983)	(17,278,661)	(18,599,467)
Kendalian	-	(27,374)	-	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	49,221,703	10,350,320	38,483,935	7,270,035
Aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(156,448)	(8,009,220)	(116,563)	(311,739)
Perolehan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	3,798	17,780	-	2,399
Pindahan pembangunan hartanah	-	1,311,999	-	-
Penambahan dalam aset biologi	(6,394,556)	-	-	-
Pembelian hartanah pelaburan	(3,469,873)	-	(1,711,829)	-
Tambahan pelaburan dalam syarikat	-	(5,000,000)	-	(5,000,000)
Tambahan pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	(10,500,030)	-	(10,500,030)
Pendapatan dividen	-	2,377,254	5,114,583	2,377,254
Pendapatan faedah	-	961,563	673,618	961,563
Faedah dibayar	-	-	(4,085,489)	(3,850,091)
Tambahan pelaburan	(68,788)	(1,585,178)	-	(1,585,178)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(10,085,867)	(20,425,832)	(125,680)	(17,905,822)

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)**

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aktiviti pembiayaan				
Pembayaran liabiliti sewa beli	(120,070)	(81,221)	-	-
Penerimaan pinjaman sewa beli	-	165,400	-	-
Pembayaran faedah	-	(3,855,269)	-	-
Penerimaan terbitan saham	-	5,000,000	-	-
Pertambahan pendapatan tertunda	-	4,360,124	-	4,360,124
Pembayaran pinjaman luar	-	(587,980)	(30,074,374)	(75,606)
Pembayaran pinjaman berjangka	(27,231,637)	-	-	-
Pembayaran geran tertunda	-	4,436,676	-	-
Pembayaran pinjaman kerajaan	(5,068,568)	(112)	(5,068,568)	(112)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti pembiayaan	(32,420,275)	9,437,618	(35,142,942)	4,284,406
Pengurangan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	6,715,561	(637,894)	3,215,313	(6,351,381)
Baki tunai dan bersamaan tunai				
- pada awal tahun	49,830,625	50,468,519	39,053,679	45,405,060
- pada akhir tahun	5 56,546,186	49,830,625	42,268,992	39,053,679

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

	Prestasi Sebenar RM	Bajet RM	Perbezaan RM
Hasil	120,312,836	54,895,427	65,417,409
Kos jualan	(27,051,042)	(10,050,045)	(17,000,997)
Keuntungan kasar	93,261,794	44,845,382	48,416,412
Pendapatan lain	85,325,196	1,824,373	83,500,823
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi	(16,594,493)	(18,953,799)	2,359,306
Perbelanjaan lain	(19,116,438)	(21,917,493)	2,801,055
Keuntungan daripada operasi	142,876,059	5,798,463	137,077,596
Kos kewangan	(416,829)	(1,342,524)	925,695
Keuntungan sebelum cukai	142,459,230	4,455,939	138,003,291
Cukai	(17,927,658)	(5,173,950)	(12,753,708)
Keuntungan/(Kerugian) selepas cukai	<u>124,531,572</u>	<u>(718,011)</u>	<u>125,249,583</u>

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Nota kepada Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar

1. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula 1 January 2021 hingga 31 Disember 2021.
2. Bajet Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 2021 telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan pada 30 Disember 2020 melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bi. 4/2020 sepertimana yang diperlukan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 12/1965 Para 17A (2).
3. Lebihan pendapatan sebenar sebanyak RM65,417,409 adalah disebabkan penjualan tanah kawasan industri Gebeng 3B yang tidak dibajetkan pada tahun 2021.
4. Kurangan belanja secara keseluruhan sebanyak RM6,086,056 adalah daripada kurangan belanja personel, perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan kewangan dan lain-lain belanja kendalian. Pengurangan perbelanjaan adalah disebabkan kawalan dan penjimatan dalam perbelanjaan oleh pihak Perbadanan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

1. Maklumat am

(a) Perbadanan

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (Perbadanan atau PKNP) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di Negeri Pahang Darul Makmur di bawah Enakmen Lembaga Kemajuan Negeri Pahang, 1965.

(b) Kegiatan utama

Kegiatan utama Kumpulan ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan, mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, memberi khidmat pengurusan, pemegang pelaburan, menyewa, menjual dan mengurus hartanah, perkhidmatan bot dan feri, penjualan pasir, perniagaan hotel, pengendalian projek-projek pembinaan, penjualan bahan-bahan binaan serta menjadi kontraktor pembinaan dan pengurusan projek-projek.

Kegiatan utama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan dan mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama Perbadanan juga termasuk membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, perumahan dan perkedaian, hartanah dan aktiviti pelaburan.

2. Asas penyediaan penyata kewangan

(a) Entiti dan tempoh pelaporan

Tempoh pelaporan untuk penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan Kumpulan dan Perbadanan.

(b) Penyata pematuhan

Penyata kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)**

2. Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(b) Penyata pematuhan (sambungan)

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS yang masih lagi dalam tempoh peralihan. Pada tahun 2019 dan sebelumnya, penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPSAS adalah 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif terhadap maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan ini telah disediakan berdasarkan peruntukan tempoh peralihan mengikut MPSAS 33 : Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (spesifik SPANM 11/2017) yang dikeluarkan JANM.

Kumpulan dan Perbadanan telah menggunakan peruntukan bagi pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini.

(i) Penjejasan nilai tanah untuk pembangunan

Dalam tahun semasa, Perbadanan tidak menjalankan penilaian bagi penjejasan nilai tanah untuk pembangunan. Tanah untuk pembangunan dinyatakan pada nilai kos.

Pemakaian MPSAS menghendaki Perbadanan untuk membuat penilaian bagi penjejasan nilai tanah untuk pembangunan sekiranya nilai bawaan melebihi nilai boleh pulih.

(ii) Penjejasan nilai hartanah pelaburan

Dalam tahun semasa, Perbadanan memilih untuk menggunakan model kos bagi menilai hartanah pelaburan. Walaubagaimanapun, Perbadanan tidak menjalankan penilaian bagi penjejasan nilai hartanah pelaburan. Tanah untuk pembangunan dinyatakan pada nilai kos tolak susut nilai terkumpul.

Pemakaian MPSAS menghendaki Perbadanan untuk membuat penilaian bagi penjejasan nilai hartanah pelaburan sekiranya nilai bawaan melebihi nilai boleh pulih. Hartanah pelaburan perlu dinyatakan pada nilai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)**

2. Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(b) Penyata pematuhan (sambungan)

(iii) Nilai Realisasi Bersih Inventori

Dalam tahun semasa, inventori dinyatakan pada nilai kos. Perbadanan tidak menjalankan penilaian bagi menentukan nilai realisasi bersih bagi inventori.

Pemakaian MPSAS menghendaki Perbadanan untuk menjalankan penilaian bagi menentukan nilai realisasi bersih ke atas inventori dan jika didapati nilai realisasi bersih lebih rendah dari kos inventori tersebut, Perbadanan perlu menurunkan nilai inventori kepada nilai realisasi bersih.

Kumpulan dan Perbadanan memilih untuk mengguna pakai peruntukan bagi pengecualian bagi perkara-perkara di atas yang membenarkan Perbadanan tidak menggunakan MPSAS bagi tempoh tiga tahun dari tarikh Perbadanan menerima pakai MPSAS. Perbadanan akan mengguna pakai sepenuhnya MPSAS bagi perkara di atas selepas penilaian bagi nilai semasa dibuat atau selepas berakhirnya tempoh pengecualian yang dibenarkan.

